Ya Reza Madaddi

Assalamualaika Ya Ali yibnil Musa Ayyuhal Ridha Yabna Rasulillah

Salam ke atas seorang musafir yang ucapan selamat tinggal buatnya diiringi dengan tangisan air mata dan rintihan! Salam buat Tuan yang hari-hari peninggalannya dengan Madinah, memilukan orang sekelilingnya!Benar!Keadaan dan perlakuan ini benar-benar telah berlaku dimana musafir ini tidak lagi akan kembali ke watannya.
Perawi berkata : Aku berada bersama Imam (as) di Mekkah dalam tahun dimana Imam Reza (as) menunaikan haji dan kemudiannya bergerak ke Khurasan.Dan puteraNya Imam Jawad (as) (ketika itu berusia 5 tahun) juga hadir ketika itu.Imam kelapan (as) melakukan wida' (selamat tinggal) dengan Rumahnya Allah, dan ketika telah keluar dari tawaf, Imam (as) menuju ke makam. (InsyaALLAH Tuhan memberi kita peluang satu hari berada di belakang makam Ibrahim(as) dalam keadaan mata memandang ke Kaabah dan untuk kamu diceritakan kisahnya Imam Reza (as) . InsyaALLAH Tuhan memberikan peluang untuk kita masuk ke Hajar Ismail, dan membaca musibah Imam Reza (as) kepada putera kesayangannya Jawadul Aimmah (as) dan dalam masa yang sama menitiskan air mata) dan kemudian Imam Reza (as) menunaikan solat di sisi makam.Imam Jawad (as) pula berada di atas bahunya ((Muwaffaq)) (hambanya Imam) untuk menunaikan tawaf.Ketika mendekati Hajar Ismail, Imam Jawad (as) turun dari bahunya Muwaffaq dan duduk di siu lama. Muwaffaq berkata kepadaNya, diriku korban buatmu, bangunlah!

Imam Jawad (as) dalam keadaan dimana wajahnya kelihatan penuh kedukaan, bersabda : Aku tidak mahu bangun dari tempatku ini kecuali Allah yang berkehendak.

Muwaffaq pergi kepada Imam Reza (as) dan berkata: Diriku korban untukmu. Hadrat Jawad (as) duduk disisi Hajar Ismail dan tidak mahu bangun. Imam Reza (as) pergi kesisi puteranya dan bersabda: Sayangku bangunlah! Hadrat Jawad (as) bersabda : Bagaimana aku boleh bangun apabila melihat Ayah melakukan tawaf wida' seperti tidak lagi akan lagi datang ke sini.Ayahku sayang! Dari tawafmu ini datang bau yatim dan Rumahnya Allah ini tidak lagi akan Ayah lihat dan langkah mubarakMu tidak lagi akan dijejakkan disini.Ayah, Ayah...

Wahai Ayahku tersayang lihatlah air mata dukaku ini
Jiwaku Kau bawa pergi bersamamu, wahai ayah
Kau sendiri tahu Ayah apa yang akan mereka lakukan pada hari-hariku
Aku yakin ayah, kau tidak akan lagi kembali

Benar! Perkara ini yang berlaku dan Imam Reza (as) gharib di Khurasan dan diracuni. Wahai syiah-syiahnya Imam Reza (as)! Tahukah kamu Ayah dan anak ini dimanakah kali terakhir pertemuan antara mereka? Waktu itu dimana si Ayah terlantar di pembaringan syahadah dan dengan arahan Ilahi anak di Madinah datang kesisi ayahnya dan hanya Tuhan yang tahu betapa gembiranya Ima Reza (as); dimana Imam dengan cepat bangung dari pembaringannya dan melatakkan tangaNnya di leher puteraNya dan mencium puteraNya itu berkali-kali dan lantas memelukNya. Dan Imam Jawad menjatuhkan diri di atas ayahnya dan mencium Ayah yang dirindui!

Malam syahadah Imam Reza (as)

Malam Kesyahidan Imam Reza (as) adalah malam yang dinanti-nanti dan si Ayah yang bertahun-tahun menunggu anak kesayangannya kini harapannya terkabul. Sekali lagi wajah indahnya Jawad kekasihnnya dipandangnya.

Wahai Imam Reza(As)!Wahai Imam Jawad(as)! di Karbala kisah berbeza.Disana ayah yang berada di kepala anak.Di Khurasan, ketika ayah dan anak bertemu masing-masing bergembira dan segala harapan tercapai tetapi Gharib Karbala ketika berada di atas kepala AkbarNya , Dia melihat kekasihNya dalam keadaan telah dipotong-potong.Beberapa kali dipandang pun wajah anakNya, tidak menemui ketenangan. Ah,Ah!kemudian Imam(as) meletakkan wajahNya diatas wajah puteraNya (cara keadaan itu sehingga) menyebabkan semua berfikir bahawa Imam Husain (as) juga telah syahid.

Ya Imam Reza (as)! Ketika tanganMu diletakkan ke leher putera kesayanganMu dan Kau menciumNya serta lantas memeluknya ke dadaMu, tanganmu tidak dilumuri darah, bibirmu tidak dilumuri darah, badan kekasihmu masih bernyawa. Tetapi DatukMu ketika memeluk kepala Ali AkbarNya dan mencium kepala itu, tanganNya dipenuhi darah, bibirnya dilumuri darah, wajah Datukmu berlumuran dengan darahNya Ali Akbar. Semua serulah : Ya Husain, Ya Husain....

Wahai bunganya Zahra Reza tidak mempunyai sesiapa, sendiri Reza
Gharib dan mazlum Reza Syahid yang diracuni Reza
Raja Khurasan Reza Matahari yang memancar Reza
Duka nestapa Reza Ubat dan penyembuh Reza
Kekasihnya Haidar Reza Keturunan Rasul Reza
Harapan kami semua Reza Penjamin Rusa Reza
Kiblatnya hajat Reza Ayahnya munajat Reza
Pensyafaat di Mahsyar Reza Pemberi minum Kausar Reza